KHALIL ANUAR SUKIRMAN A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
AHMAD MAAROP HMR
CLEMENT SKINNER HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-204-2009]
9 NOVEMBER 2011 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 37(da) - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman mati atas anggapan pengedaran dadah berbahaya - Sama ada hakim bicara terkhilaf memutuskan pihak pendakwa telah membuktikan tertuduh* D *mempunyai milikan sebenar dadah berbahaya - Sama ada keterangan menunjukkan bahawa orang lain ada akses terhadap dadah berbahaya selain daripada tertuduh - Sama ada inferens tertuduh mempunyai milikan sebenar boleh dibuat jikapun tertuduh bukan pemilik motosikal yang dipandunya di mana dadah berbahaya dijumpai - Sama ada* E *hakim bicara gagal mempertimbangkan kesahihan pembelaan tertuduh*

Ini adalah rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan ke atasnya oleh hakim bicara Mahkamah Tinggi bagi kesalahan mengedar 1,942.9 gram kanabis atas anggapan F pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh ditangkap oleh polis selepas dadah tersebut dijumpai dalam satu beg kertas di dalam raga motosikal yang ditunggangnya. Dalam hujahannya untuk dilepaskan dan dibebaskan, dua alasan dikemukakan di hadapan G mahkamah ini: (1) bahawa orang lain ada akses terhadap dadah berkenaan dan (2) bahawa hakim bicara gagal memberikan manfaat keraguan kepada tertuduh atas kegagalan pihak polis menyiasat kesahihan pembelaan tertuduh. Tertuduh mendakwa bahawa hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau H memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan tertuduh mempunyai milikan sebenar dadah berkenaan sedangkan tertuduh tidak mempunyai kawalan dan jagaan eksklusif. Lagi, inferens bahawa tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan tidak boleh dibuat memandangkan tertuduh bukan pemilik motosikal berkenaan. I Kes-kes *PP v. Chia Leong Foo* dan *PP v. Nordin Awang* dirujuk.

A Selain itu, dihujahkan bahawa tertuduh adalah pembawa yang tidak bersalah dan dia tidak mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan beg kertas tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan tertuduh)
B **Oleh Ahmad Maarop HMR:**

(1) Untuk membuktikan pemilikan, pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan dadah yang menjadi subjek pertuduhan, serta pengetahuan tertuduh tentang dadah tersebut. Persoalan sama ada
C seseorang itu memiliki dadah berbahaya adalah persoalan fakta. Memandangkan proximity tertuduh dengan dadah yang dijumpai dalam beg kertas di dalam raga motosikal di hadapannya, satu-satunya inferens yang boleh dibuat ialah tertuduh mempunyai milikan *mens rea* kanabis tersebut (*PP v. Abdul Rahman Akif, PP v. Denish Madhavan*; dirujuk) (*PP v. Nordin Awang, PP v. Chia Leong Foo, PP v. Lin Lian Chen*;
D dibezakan). (perenggan 6 & 8)

(2) Pendekatan yang diambil Mahkamah Agung dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* bahawa tertuduh tidak boleh dianggap
E mempunyai kawalan dan jagaan dadah jika tertuduh bukan pemilik kenderaan berkenaan bukan satu prinsip pemakaian universal. Mahkamah Agung tidak menetapkan suatu kaedah tetap bahawa dalam setiap kes tertuduh ditangkap dengan
F dadah dalam kenderaan yang bukan kepunyaannya, inferens tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan dadah berkenaan tidak boleh dibuat. Pendekatan tersebut bergantung kepada keterangan yang ada dalam kes itu sendiri. Dalam kes semasa, berdasarkan keseluruhan fakta-fakta dan keadaan kes, hanya
G satu inferens sahaja yang mesti dibuat iaitu tertuduh mempunyai milikan dadah yang dijumpai di dalam raga motosikal yang ditunggangnya. Oleh itu, hakim bicara tidak membuat kesilapan apabila beliau menggunakan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB dan seterusnya, pihak
H pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh. (perenggan 9)

(3) Hakim bicara telah menimbang dan menilai keterangan pembelaan dengan teliti dan telah menyimpulkan bahawa
I keterangan tertuduh dia tidak tahu isi kandungan beg kertas tersebut tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. Mahkamah ini bersetuju dengan kesimpulan hakim bicara itu. (perenggan 12 & 13)

***English** Translation Of Headnotes*

This was the accused's appeal against his conviction and sentence by the trial judge of the High Court for the offence of trafficking in 1,942.9 grams cannabis on the presumption of trafficking made under s. 37(da) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The facts of the case showed that the accused was arrested when the offending drugs were found in a paper bag that was in the wicker basket of the motorcycle that he was riding. In his submission for acquittal and discharge, two grounds were adduced before the court: (1) that others had access to the drugs concerned and (2) that the trial judge failed to give the benefit of the doubt to the accused on the police's failure to investigate the authenticity of the accused's defence. The accused alleged that the trial judge erred in law and fact when he held that the prosecution proved that the accused had actual possession of the drugs concerned when in fact the accused did not have exclusive control and custody. Further, the inference drawn that the accused had control and custody was not correct since the accused was not the owner of the motorcycle concerned. The cases of *PP v. Chia Leong Foo* and *PP v. Nordin Awang* were referred to. That apart, it was submitted that the accused was an innocent carrier and did not have knowledge of the contents in the said paper bag.

Held (dismissing the appeal)
Per Ahmad Maarop JCA:

(1) To prove possession, the prosecution has to prove that the accused had possession and control of the drugs that were the subject of the offence as well as that he had knowledge of the drugs. The question whether a person had control of the dangerous drugs was a question of fact. Based on the proximity of the accused to the drugs found in the paper bag that was in the wicker basket of the motorcycle in front of him, the only inference that could be made was that he had the mens rea possession of the cannabis (*PP v. Abdul Rahman Akif, PP v Denish Madhavan*; refd) (*PP v. Nordin Awang, PP v. Chia Leong Foo, PP v. Lin Lian Chen*; dist).

(2) The approach taken by the Supreme Court in the case of *PP v. Lin Lian Chen* that the accused could not be presumed to have had control and possession of the drugs if he was not the owner of the vehicle concerned was not of universal application. The Supreme Court did not determine a fixed rule that in every case the accused was caught with the drugs in

A a vehicle not owned by him, the inference that the accused had the control and custody of the drugs concerned could not be drawn. That approach taken was subject to the available evidence in that case. In the present case, based on the all facts and circumstances of the case, there was only one
B inference that could be drawn, *ie*, that the accused had possession of the drugs found in the wicker basket of the motorcycle that he was riding on. As such, the trial judge did not err when he used the presumption of trafficking under s. 37(da) ADB and it followed that the prosecution had
C proved a *prima facie* case against the accused.

(3) The trial judge had weighed and assessed the defence carefully and had come to the conclusion that the evidence of the accused that he did not know the contents of the paper bag
D failed to raise a reasonable doubt. This court agreed with his conclusion.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dibezakan)***
E *PP v. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC* ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dibezakan)***
PP v. Nordin Awang [2000] 1 LNS 288 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
F Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(d), (da)

Bagi pihak perayu - Martin Tay; T/n Martin Tay & Co
Bagi pihak responden - Tuan Ahmad Bache TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Perbicaraan Jenayah No: MT(3) 45-10-2008.]
G

[Editor's note: For the High Court judgment, please see PP v. Khalil Anuar Sukirman [2009] 1 LNS 1137.]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah
H

PENGHAKIMAN

I **Ahmad Maarop HMR:**

[1] Perayu - Khalil Anuar b. Sukirman ("Khalil") telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu, 1,942.9 gram cannabis pada 4 Oktober 2006, jam lebih kurang 12.30 pagi, di Jalan Dataran

4/5, Taman Kempas, Johor Bahru ("tempat kejadian"). Mahkamah Tinggi mendapati Khalil bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati ke atas Khalil. Khalil mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. A

[2] Kes pihak pendakwaan telah pun dihuraikan oleh YA Hakim bicara dalam penghakimannya, dan kami tidak akan mengulanginya. B

[3] Di akhir kes pihak pendakwaan YA Hakim bicara memutuskan bahawa Khalil mempunyai milikan sebenar dadah berkenaan dalam kes ini (tanpa menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya (ADB). Lanjutan itu beliau telah memutuskan bahawa anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB terpakai. C

[4] Dalam hujahnya di hadapan kami memohon Khalil dilepaskan dan dibebaskan, peguamnya mengemukakan dua alasan. D

Alasan Pertama

Orang Lain Ada Akses Terhadap Barang Kes

[5] Peguam Khalil berhujah bahawa Yang Arif Hakim bicara Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan Khalil mempunyai milikan sebenar barang kes berkenaan sedangkan Khalil tidak mempunyai kawalan dan jagaan eksklusif terhadap barang kes berkenaan. Peguam menyatakan bahawa pemilik motorsikal JJN 7454 (SP4) telah memberikan keterangan bahawa motorsikal tersebut dibeli atas namanya oleh seorang yang bernama Azizi. SP4 menyatakan bahawa motorsikal tersebut berada di rumah Azizi sebab Azizilah yang menggunakan motorsikal tersebut. SP4 juga memberi deskripsi wajah Ayah Ghani. Menurut peguam, inferens bahawa Khalil mempunyai jagaan dan kawalan terhadap eks. P8 yang dijumpai di dalam raga motorsikal tidak boleh dibuat begitu sahaja memandangkan Khalil bukanlah pemilik motorsikal berkenaan. *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 dan *PP v. Nordin Awang* [2000] 1 LNS 288 telah dirujuk sebagai otoriti. E F G H

[6] Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Untuk membuktikan pemilikan, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa orang kena tuduh mempunyai kawalan dan jagaan dadah yang menjadi subjek pertuduhan, serta pengetahuan orang kena tuduh tentang dadah tersebut. Persoalan sama ada seseorang itu I

memiliki dadah berkenaan adalah soal fakta. Sehubungan ini dalam *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337, Arifin Zakaria HMP (pada masa itu) dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> But mere custody and control is not sufficient to establish possession for the purpose of the Act. There has to be established knowledge of such drug by the respondent. In *Chan Pean Leon v. Public Prosecutor* [1956] 22 MLJ 237 Thomson J dealt with the issue of possession under the Common Gaming Houses Ordinance 1953 and at p. 239 he observed:
>
> > "Possession" itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Edition, page 304):
> >
> > > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
> >
> > To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shewn that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some animus possidendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case. If a watch is in my pocket then in the absence of anything else the inference will be clear that I intend to deal with it as if it were my own and accordingly I am in possession of it. On the other hand, if it is lying on a table in a room in which I am but which is also frequently used by other people then the mere fact that I am in physical proximity to it does not give rise to the inference that I intend to deal with it as if it belonged to me. There must be some evidence that I am doing or having done something with it that shews such an intention. Or it must be clear that the circumstances in which it is found shew such an intention. It may be found in a locked

room to which I hold the key or it may be found in a drawer mixed up with my own belongings or it may be found, as occurred in a recent case, in a box under my bed. The possible circumstances cannot be set out exhaustively and it is impossible to lay down any general rule on the point. But there must be something in the evidence to satisfy the court that the person who is physically in a position to deal with the thing as his own had the intention of doing so.

[15] And further down on the same page he added:

> Here again knowledge cannot be proved by direct evidence, it can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Again the possible variety of circumstances which will support such an inference is infinite.

[16] It is trite that what constitutes "possession" under s. 37 of the Act is a question of law. (See *Yee Ya Mang v. Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 120 and *Public Prosecutor v. Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585). It is however a question of fact whether in a given case a person can be said to be in possession of something.

[7] Mengenai dadah yang dijumpai dalam kenderaan pula, dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan menyatakan:

And in relation to drug found in a vehicle Shanker J in *Pendakwa Raya v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 2 CLJ (Rep) 557, after considering a number of authorities, stated:

> ... those cases do not decide that in all cases a person who is in sole charge of a vehicle cannot be found to be in possession of articles being carried in it. As Thomson J himself said in *Tong Peng Hong v. PP* at p 233:
>
> > If something be found, for example, in a bag which I am carrying or in a box to which I hold the key it is extremely reasonable to suppose, unless I produce some satisfactory evidence to the contrary, that I know all about it ...
>
> Again, at p 234:
>
> > I am not saying for one moment that a drug may not be found in a vehicle in such circumstances as would in the absence of disproof or explanation lead the

court to the conclusion, quite independently of any statutory presumption, that it was in the possession of the person in control of the vehicle.

[17] *Therefore, the presence of the 3 packages in the car without a plausible explanation from the respondent could give rise to a strong inference that he had knowledge that the packages contained drug or things of seminar nature. (See also Lim Beng Soon v. Public Prosecutor [2000] 3 SLR 589)*. (emphasis added)

[8] Berbalik kepada fakta kes di hadapan kami fakta yang jelas terbukti dari keterangan ialah bahawa Khalil tiba di tempat kejadian pada jam lebih kurang 12.30 pagi 4 Oktober 2006 dengan menunggang motorsikal JJN 1754 (motorsikal tersebut) seorang diri. Apabila motorsikal tersebut berada lebih kurang 1 hingga 2 meter darinya, SP2 telah memperkenalkan dirinya polis dengan menunjukkan kad kuasanya. Khalil cuba turun dari motorsikalnya tetapi dapat ditahan oleh SP2 dan pasukannya. Di dalam pemeriksaannya SP2 menemui satu beg kertas jenama "De Gem" (lihat gambar P8a) dalam raga motorsikal tersebut di bahagian hadapan (lihat gambar P8f). Dalam beg kertas tersebut SP2 menemui 2 ketulan mampat bersalut plastik lutsinar dan kertas timah (lihat gambar P8b) yang kemudiannya disahkan mengandungi 1,942.9 gram cannabis (cannabis tersebut). Dengan keterangan sedemikian yang jelas menunjukkan proximity Khalil dengan 2 ketul dadah dalam beg kertas dalam raga motorsikal di hadapannya, hanya satu inferens sahaja yang boleh dibuat, iaitu, bahawa hanya Khalillah yang mempunyai kuasa "to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do in case of need" (lihat *PP v. Abdul Rahman Akif, supra* dan *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209), bukan Azizi atau Ayah Ghani. Maka tidaklah menghairankan apabila YA Hakim bicara memutuskan bahawa berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes ini hanya satu inferens yang boleh dibuat, iaitu bahawa Khalil mempunyai milikan *mens rea* cannabis tersebut yang ada dalam beg kertas dalam raga motorsikal yang ditunggangnya. Alasan-alasan yang diberi oleh YA Hakim bicara adalah seperti berikut:

(a) Tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan fizikal ke atas beg kertas tersebut. Oleh itu, tanpa penjelasan munasabah oleh tertuduh, fakta ini adalah mencukupi untuk membolehkan suatu inferen yang kuat dibuat bahawa tertuduh mengetahui kandungan beg kertas itu mengandungi cannabis.

(Lihat kes-kes *Warner v. Metropolitan Police Comr* [1969] 2 AC 256, *Tan Ah Tee v. PP* [1980] 1 MLJ 49. *Ramis a/l Muniandy v. PP* [2001] 3 SLR 534 dan *Mohamad bin Sofri bin Che Ani v. PP* [2009] 5 CLJ 552)

(b) Beg kertas yang mengandungi cannabis itu terletak "in plain view" tertuduh dan berada berdekatan ('in close proximity') dengan beliau ketika motosikal itu ditunggangnya. Oleh itu, berdasarkan saiz beg dan kedudukannya dengan tertuduh, adalah tidak mungkin beliau tidak mengetahui kandungannya.

(c) Fakta bahawa isi kandungan beg kertas itu tidak boleh dilihat dari luar, tidak boleh dijadikan alasan untuk dibuat inferen bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan yang diperlukan. Dalam kes *Zulfikar bin Mustaffah v. PP* [2001] 1 SLR 633 yang telah dipetik dengan persetujuan oleh kes *PP v. Abdul Rahman bin Akif* [2007] 4 CLJ 337, hakim berkata:

> We were unable to accede to this request. While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor should still not be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drug coming into their possession are first securely sealed opaque wrappings. Rather, the court must appraise the entire fact of the case to see if the accuser's claim to ignorance is credible. As Yong Pung How CJ remarked in *PP v. Hla Win*]1995] 2 SLR 424 (at p. 438):
>
> In the end, the finding of the mental state of knowledge, or rebuttal of it, is an inference to be drawn by a trial judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight to the credibility of the witnesses.

(d) Walaupun peguambela terpelajar telah mencadangkan bahawa ada kemungkinan penama Azizi yang meletakkan dadah itu di dalam beg tersebut, cadangan tersebut tidak boleh menggantikan keterangan kerana ia telah dinafikan oleh saksi-saksi pendakwaan (lihat kes *Anwar Ibrahim (No. 3) v. PP* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ 1); dan

(e) Kegagalan mengesan cap jari atas beg plastik itu secara sendirinya tidak menunjukkan bahawa tertuduh tidak memiliki dadah tersebut (lihat penjelasan dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran v. PP* [2004] 4 MLJ 551).

[9] Kami bersetuju dengan kesimpulan yang dibuat oleh YA Hakim bicara itu. Pada hemat kami juga kes *PP v. Nordin Awang, (supra)* yang dirujuk oleh peguam Khalil itu adalah berbeza fakta-faktanya dari kes di hadapan kami. Dalam kes *PP v. Nordin Awang* dadah berkenaan ditemui di bawah lantai van yang dipandu oleh orang kena tuduh dalam kes itu. Mahkamah Tinggi mendapati bahawa pemerhatian fisikal yang dibuat sendiri oleh mahkamah berserta dengan keterangan SP4, SP8 dan SP10 dalam kes itu menunjukkan bahawa lantai van tersebut dipasang dan ditutupi karpet sepenuhnya, dan dadah berkenaan (yang ditemui di bawah lantai van itu) tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Ini amat berbeza dari kes di hadapan kami di mana dua ketulan mampat cannabis itu ada dalam beg kertas yang terletak dalam raga motorsikal di hadapan mata Khalil. Mengenai *PP v. Chia Leong Foo, supra* pula yang juga merupakan keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak mengikat kami, pandangan YA Hakim bicara dalam kes tersebut bahawa inferens bahawa orang kena tuduh mempunyai jagaan atau kawalan beg dalam raga motorsikal dalam kes itu tidak boleh dibuat jika orang kena tuduh bukan tuan punya motorsikal tersebut, adalah pandangan yang tidak diperlukan untuk keputusan kes tersebut kerana dalam kes tersebut itu motorsikal tersebut memang didaftar atas nama orang kena tuduh. Tambahan pula, YA Hakim mengasaskan pandangannya kepada pandangan dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285. Pada hemat kami fakta-fakta dalam *PP v. Lin Lian Chen* juga berbeza dari fakta kes di hadapan kami. Dalam kes tersebut dadah ditemui dalam kereta Honda yang berdaftar atas nama Lim Hooi Yoong. Kad Pendaftaran kereta itu dan lesen kereta Honda itu ditemui dalam glove compartment di mana salah satu daripada tujuh bungkusan dadah juga ditemui. Selain itu beberapa kad perniagaan atas nama James Goh Liong Sin juga ditemui dalam glove compartment tersebut. Keterangan pihak pendakwaan juga menunjukkan bahawa daftar Hotel Emerald menunjukkan bahawa seorang bernama Koay Nian Tark telah didaftarkan sebagai penghuni bilik 414 hotel tersebut dari jam 7.50 pagi 27 Mac 1987 sehingga jam 1.50 petang 28 Mac 1987 dan kereta Honda itu juga didaftarkan kepada bilik tersebut. Orang kena tuduh dalam kes itu ditangkap pada jam 2.40 petang 28 Mac 1987. Selain itu, semasa soal siasat, orang kena tuduh memberitahu pegawai polis bahawa James Goh berada di Hotel Emerald. Dalam pengamatan kami, pandangan Mahkamah Agung bahawa:

> ... although it is true that the respondent was the sole occupant of the Honda, being the driver and therefore in charge of it, the fact remains, that **he was not its owner and, there was no evidence from which it could be reasonably inferred that he must have been in custody or control of the seven newspaper packages** or the cigarette packet which contained the offending exhibits.

yang dirujuk oleh YA Hakim dalam *PP v. Leong Foo* tidak dihasratkan untuk menjadi satu prinsip untuk universal application. Meneliti pandangan tersebut kami tidak fikir Mahkamah Agung telah menetapkan sebagai suatu kaedah tetap bahawa dalam setiap kes di mana orang kena tuduh ditangkap dengan dadah dalam kenderaan yang bukan dipunyainya, maka inferens bahawa orang kena tuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut tidak boleh dibuat. Perkataan-perkataan "and, there was no evidence from which it could be reasonably inferred that he must have custody or control of the seven newspaper packages", menunjukkan bahawa sama ada inferens tersebut boleh dibuat atau tidak bergantung kepada keterangan yang ada dalam kes itu sendiri. Dalam kes *PP v. Lin Lian Chen*, selain dari orang kena tuduh bukan tuan punya kereta tersebut, mahkamah mendapati bahawa tiada terdapat keterangan yang membolehkan mahkamah membuat inferens tersebut. Pendeknya, sama ada inferens orang kena tuduh mempunyai milikan *mens rea* dadah yang ditemui dalam kereta yang bukan kepunyaannya tetapi dipandu olehnya bergantung kepada fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Dalam pengamatan kami dari keseluruhan fakta-fakta dan keadaan dalam kes di hadapan kami hanya satu inferens sahaja yang mesti dibuat iaitu bahawa Khalil mempunyai milikan dadah yang ditemui dalam raga motosikal yang ditunggangnya. Oleh itu YA Hakim bicara telah tidak membuat kesilapan apabila beliau menggunakan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB dan seterusnya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Khalil.

Alasan Kedua

YA Hakim Bicara Gagal Memberikan Manfaat Keraguan Kepada Khalil

[10] Peguam berhujah bahawa YA Hakim bicara gagal memberikan manfaat keraguan kepada Khalil atas kegagalan pihak polis menyiasat kesahihan pembelaan Khalil. Peguam berhujah bahawa pembelaan Khalil telah pun didedahkan dalam percakapan

beramarannya (D19). Peguam menyatakan bahawa pihak pendakwaan gagal mematahkan versi pembelaan Khalil yang terkandung dalam D19. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Pertama, kami dapati keterangan pembelaan Khalil dalam mahkamah bercanggah dengan pernyataannya dalam D19. Pembelaan Khalil dalam Mahkamah telah pun dihuraikan oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya (lihat perenggan 19.1 hingga perenggan 19.11 penghakimannya). Dalam pembelaannya itu Khalil mendakwa, setelah diminta melalui telefon pada jam 12 tengah malam 4 Oktober 2006 oleh Ayah Ghani untuk menghantar barang Ayah Ghani yang sepatutnya dihantar oleh Azizi tetapi Azizi tidak sempat berbuat demikian, Khalil telah menelefon Azizi. Setelah Azizi mengesahkan barang Ayah Ghani ada dengannya, Khalil telah berjalan kaki selama 2 minit ke rumah Azizi. Apabila Khalil sampai ke rumah Azizi, Azizi telah sedia menunggu Khalil di hadapan pintu pagar rumahnya bersama dengan motorsikalnya, Khalil tanya Azizi di manakah barang Ayah Ghani dan sama ada barang tersebut besar atau kecil? Azizi terus menunjukkan ke arah motorsikalnya dan berkata bahawa barang itu berada di dalam raga motorsikal. Azizi menyatakan bahawa barang itu perlu dihantar segera kepada Ayah Ghani kerana dia akan ke Kuala Lumpur atas urusan kerja. Khalil nampak satu beg kertas dan kain buruk serta wayar-wayar elektrik di atas beg kertas tersebut. Khalil mendakwa Azizi terus memintanya menghantarkan barang tersebut dengan segera kerana Ayah Ghani kesuntukan masa. Lantas Azizi menghidupkan enjin motorsikal dan berlepas dari rumah Azizi menuju ke tempat kejadian. Keterangan Khalil yang tersebut jelas bercanggah dengan pernyataan Khalil dalam D19:

> J: Pada 04/10/06 Jam lebih kurang 12.30 pagi, pada ketika itu saya sedang menunggang motosikal jenis Honda wave 125, JJN 1754, motor ini saya pinjam dari kawan, nama Azizi bin Md Jan. Saya telah ditahan oleh tiga biji kereta, dan perkenalkan diri sebagai polis, dan tangkap saya, bawa saya ke polis depoh. Tujuan saya menaiki motosikal itu kerana Ayah Ghani menyuruh saya menghantar sebuah beg kertas pada satu tempat, di tepi highway, tempat saya ditangkap.

[11] Adalah jelas bahawa dalam keterangan Khalil di Mahkamah Tinggi tidak timbul langsung soal Khalil meminjam motorsikal dari Azizi. Selain itu dalam D19 juga tidak timbul langsung pernyataan bahawa Ayah Ghani mengatakan barangnya ada di rumah Azizi,

dia (Khalil) berjalan kaki ke rumah Azizi, Azizi menunjukkan beg kertas dalam raga motorsikalnya dan Azizi menyuruh Khalil segera menghantar barang tersebut kepada Ayah Ghani. Jika perkara-perkara ini benar tidak ada sebab kenapa ianya tidak disebut langsung dalam D19. Sehubungan ini kami dapati selepas D19 dirakamkan, Khalil telah ditanya sama ada dia ingin membuat apa-apa pindaan atau tambahan kepada percakapannya. Jika percakapannya tidak lengkap dan ada perkara yang dia tertinggal maka itulah peluang terbaik untuk Khalil membuat tambahan. Tetapi Khalil menjawab "Tiada".

[12] Selanjutnya, kami dapati YA Hakim bicara telah menimbang dan menilai dengan teliti pembelaan Azizi. Khalil mendakwa dia adalah pembawa yang tidak bersalah (innocent carrier) dan dia tidak mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan beg kertas yang dibawanya dalam raga motosikal tersebut. YA Hakim bicara menerima hujah peguam bahawa Ayah Ghani dan Azizi wujud. Walau bagaimanapun menurut YA Hakim bicara, jika pun benar dakwaan bahawa Ayah Ghani menyuruh Azizi mengambil barang itu di rumah Azizi dan menghantarkan kepadanya, adakah boleh dibuat inferens bahawa Khalil tidak mengetahui isi kandungan beg kertas tersebut? YA Hakim bicara memutuskan bahawa keterangan Khalil bahawa dia tidak tahu isi kandungan beg kertas tersebut telah tidak menimbulkan keraguan yang munasabah atas alasan-alasan berikut:

(i) Mengapakah tertuduh tidak bertanya kepada Ayah Ghani mengapakah Azizi sendiri tidak pergi menghantar barang tersebut kepada Ayah Ghani;

(ii) Mengapakah tertuduh bersetuju untuk membantu Ayah Ghani menghantar barang itu sedangkan motosikalnya telah rosak;

(iii) Mengapakah tertuduh tidak langsung bertanya kepada Ayah Ghani apakah barang yang hendak dihantarkan itu; dan

(iv) Mengapakah tertuduh tidak bertanya kepada Azizi yang mana satukah antara wayar elektrik, kain buruk dan beg kertas (Eks. P9) kepunyaan Ayah Ghani atau barang yang perlu dihantar kepada Ayah Ghani.

Persoalan-persoalan di atas semunasabahnya berbangkit kerana pada waktu itu sudah larut malam (jam lebih kurang 12.00 tengah malam) dan barang tersebut dikatakan perlu dihantar dengan segera kepada Ayah Ghani. Logik akal ("common sense") dan pengalaman menunjukkan bahawa soalan-soalan tersebut akan

A berbangkit jika seseorang diminta untuk menghantar sesuatu barang dalam keadaan tersebut. Ketinggalan ('omission') di pihak tertuduh untuk berbuat demikian menjadikan keterangannya tidak "probable and reasonable".

B **[13]** Kami bersetuju dengan kesimpulan beliau.

[14] Kami telah menimbangkan dengan teliti keterangan dalam rekod rayuan kes ini dan penghakiman YA Hakim bicara, kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman ke atas Khalil adalah selamat.

C **[15]** Oleh itu rayuan Khalil ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadap Khalil disahkan.

D

E

F

G

H

I